



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 4 TAHUN 2022

PENENTUAN KEPERLUAN PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN (PKK) BAGI PUSAT JAGAAN

LATARBELAKANG

1. Dalam usaha memelihara kebajikan dan mengembangkan perkhidmatan sosial negara, pusat jagaan seperti rumah anak yatim dan miskin, rumah orang tua, rumah perlindungan serta pusat-pusat untuk golongan kurang upaya dan sebagainya telah ditubuhkan. Dimana pusat jagaan yang ditubuhkan ini melibatkan tempat tinggal, pemakanan, rawatan kesihatan dan terdapat aktiviti harian semasa berada di pusat jagaan tersebut.
2. Walaubagaimanapun aspek keselamatan kebakaran perlu diambil kira iaitu dengan memastikan aspek keselamatan kebakaran berada ditahap yang baik dan memuaskan.
3. Pada masa kini, lokasi pusat jagaan hanya dijalankan di pusat keagamaan yang diubahsuai (seperti masjid, gereja atau kuil) atau di rumah kediaman (seperti rumah teres, rumah berkembar dan rumah banglo).
4. Pusat Jagaan yang ditubuhkan di negara ini samada dikendalikan oleh pihak kerajaan, Pertubuhan Kebajikan Sukarela atau swasta memainkan peranan yang

TERHAD

penting dalam urusan menangani masalah sosial. Dengan adanya Pusat Jagaan pelbagai perkhidmatan yang sesuai dapat disediakan mengikut keperluan dan kemampuan kumpulan sasar iaitu kanak-kanak, orang kurang upaya, wanita dan warga emas. Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah agensi yang bertanggungjawab bagi menguruskan pendaftaran dan pengeluaran Perakuan Pendaftaran kepada Pusat Jagaan.

PUNCA KUASA

5. Penilaian JBPM ke atas keselamatan kebakaran Pusat Jagaan adalah berdasarkan pada peruntukan perundangan, dasar, peraturan dan garis panduan sedia ada dan perubahan semasa ke semasa seperti berikut:-

- a. Akta Perkhidmatan Bomba 1984 (Akta 341).
- b. Akta Pusat Jagaan 1993 (Akta 506).
- c. Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2018 (Akta A1564).
- d. Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Akta 308).
- e. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 (Akta 802).
- f. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UUKBS).
- g. Malaysian Standard (MS) 1183: Part 8: Specification for fire precautions in the design and construction of buildings Part 8: Code of Practice for means of escape for disable people.
- h. Malaysian Standard (MS) 1184: Standard Universal design and accessibility in the built environment - Code of practice.
- i. *National Fire Protection Association (NFPA) 101 – Life Safety Building Code.*
- j. *National Fire Protection Association (NFPA) 202 – Standard On Types Of Building Construction.*
- k. Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas (GP031-A) PLANMalaysia.
- l. Garis Panduan Penubuhan Pusat Jagaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

TERHAD

dan; Keputusan yang telah ditetapkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Bil.1 Tahun 2021.

TUJUAN

6. Perintah Tetap ini bertujuan untuk: -
 - a. Mengkaji dan menentukan keperluan PKK bagi Pusat Jagaan.
 - b. Menjelaskan jenis-jenis bangunan, lokasi dan ketinggian yang dibenarkan untuk dijadikan Pusat Jagaan.
 - c. Mengambil kira dari Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas (GP031-A) PLANMalaysia dan Garis Panduan Penubuhan Pusat Jagaan, Jabatan Kebajikan Masyarakat.

TAFSIRAN

“**Jagaan**” adalah termasuk perlindungan, pengawasan, pemulihan dan latihan.

“**Pusat Jagaan**” pula bermaksud pusat jagaan berkediaman dan pusat jagaan harian

“**Pusat Jagaan Berkediaman**” ertinya mana-mana premis dimana empat (4) orang atau lebih diterima untuk jagaan sebagai penghuni di dalamnya, sama ada untuk diupah atau selainnya; tetapi dalam hal premis yang dikendalikan atau diuruskan oleh orang yang sebenar, seseorang yang merupakan saudara pada orang itu tidak boleh dikira dalam menentukan dalam bilangan orang yang diterima dipremis itu bagi maksud takrif ini.

“**Pusat Jagaan Harian**” ertinya mana-mana premis di mana empat (4) orang atau lebih diterima untuk jagaan selama suatu tempoh yang berterusan yang melebihi tiga (3) jam sehari antara matahari terbit hingga matahari terbenam, dan sekurang-kurangnya tiga (3) hari seminggu, sama ada untuk upah atau selainnya; tetapi dalam hal premis yang dikendalikan atau diuruskan oleh orang sebenar, seseorang yang merupakan saudara kepada orang itu tidak boleh dikira dalam menentukan bilangan orang yang diterima di premis itu bagi maksud takrif ini.

TERHAD

“**Tingkat**” ertinya ruang antara permukaan atas tiap-tiap lantai dengan permukaan lantai yang sebaik sahaja di lantai atasnya, atau jika sekiranya tidak ada lantai tersebut, dengan sebelah bawah alang kecil bumbungnya atau penutup lain atau jika sekiranya tidak ada alang atau alang kecil itu, dengan paras separuh daripada tinggi tegak sebelah bawah kasau atau penyangga lain bumbung itu;

“**Tingkat bawah**” ertinya tingkat terbawah sekali bagi sesuatu bangunan yang ada pintu masuk daripada luar pada atau di atas paras tanah di hadapan bangunan itu;

“**Tingkat bawah tanah**” ertinya sesuatu tingkat atau tingkat-tingkat bangunan yang terletak di paras yang lebih rendah daripada tingkat bawah.

“**UUKBS**” Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

“**Warga Emas**” merujuk kepada Dasar Warga Emas Negara individu yang berumur 60 tahun dan ke atas.

PENENTUAN LOKASI DAN HAD KETINGGIAN

7. Lokasi.
 - a. Dibenarkan di lot kediaman dengan mematuhi syarat seperti berikut:
 - i. Untuk kediaman jenis sesebuah atau berkembar (bilangan tingkat maksimum adalah 2 tingkat).
 - ii. Untuk kediaman jenis teres hanya lot tepi atau *corner* lot sahaja dibenarkan (bilangan tingkat maksimum adalah 2 tingkat).
(Rujukan: Jadual 10, Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas (GP031-A)
 - b. Dibenarkan di bangunan strata bertanah (bilangan tingkat maksimum adalah 2 tingkat). (Rujukan: Jadual 11, Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas (GP031-A)
 - c. Dibenarkan di bangunan yang dibina khas berdasarkan Jadual Kelima Ketetapan Kumpulan Maksud UuKBS 1984 bagi penempatan Pusat

- Jagaan (bilangan tingkat maksimum adalah 2 tingkat). (Rujukan: Jadual 13, Garis Panduan Perancangan Fizikal Bagi Warga Emas (GP031-A)
- d. Lokasi atau penempatan premis yang hendak dijadikan Pusat Jagaan hendaklah tidak berada di kawasan berisiko kebakaran. (Merujuk UuKBS139).
8. Had ketinggian.

Jadual 1: Had ketinggian yang dibenarkan berdasarkan kegunaan bangunan.

No.	Kegunaan Bangunan	Had Ketinggian Dibenarkan	Penerangan
1	Institusi a) Kesihatan. b) Pendidikan. Rujuk Gambarajah 1	Sehingga tingkat 1.	Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible) untuk <i>element of structure</i> (selain dari itu sila rujuk para 10 (b)).
2	Komersial a) Kedai Pejabat b) Rumah Kedai Rujuk Gambarajah 2	a) Sehingga tingkat 1 b) Sehingga tingkat 1	Jenis bahan binaan yang tidak mudah terbakar (non-combustible). untuk <i>element of structure</i> (selain dari itu sila rujuk para 10 (b)).

Penentuan tingkat adalah bermula dengan tingkat bawah (*groundfloor*) dan seterusnya (**Gambarajah 3**).


TERHAD



GAMBARAJAH 1: INSTITUSI (KESIHATAN & PENDIDIKAN)



GAMBARAJAH 2: KOMERSIAL (KEDAI PEJABAT & RUMAH KEDAI)



GAMBARAJAH 3: PENENTUAN TINGKAT

PENENTUAN KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN BAGI PUSAT JAGAAN

9. Keperluan keselamatan kebakaran Pusat Jagaan hendaklah dikaji secara menyeluruh iaitu Pepasangan Keselamatan Kebakaran sedia ada hendaklah dipatuhi dan berada dalam keadaan baik.

10. Keperluan Keselamatan Kebakaran.

a. *Means of Escape.*

- i. Akses perkakas bomba hendaklah mematuhi UUKBS 1984 - UUK 140.
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya (2) dua jalan keluar termasuk pintu keluar dan tangga keluar.
- iii. Rekabentuk tangga dan laluan keluar keselamatan hendaklah mematuhi UUKBS 34A (klausa 1 dan 2).
- iv. Semua pintu yang digunakan sebagai pintu keluar daripada mana-mana bahagian atau menuju ke kawasan terbuka, pintu dibuka ke arah keluar.
- v. Tangga, koridor dan lorong yang menuju ke tempat keluar itu hendaklah ditempatkan berasingan atau terlindung untuk mengelakkan apa-apa bahaya yang tidak sewajarnya kepada penghuni pusat tersebut daripada api yang berpunca dalam pendudukan yang lain atau asap.
- vi. Semua pintu keluar dan jalan keluar yang dilalui oleh penghuni dalam perjalanan ke kawasan terbuka hendaklah tidak dihalang, tidak berkunci, berselak, atau mempunyai pepasangan lain sepanjang tempoh pendudukan.
- vii. Semua tempat keluar kecemasan hendaklah diadakan tanda 'KELUAR' dan hendaklah diterangi berterusan sepanjang tempoh pendudukan.
- viii. Suatu tanda 'KELUAR' dengan anak panah yang menunjukkan arah, hendaklah diletakkan di laluan menuju pintu keluar yang terdekat.

TERHAD

- b. Dinding pengasing atau dinding petak.
 - i. Dinding pengasing atau dinding petak hendaklah mempunyai ketahanan api tidak kurang dua jam.
 - ii. Dinding dalaman hendaklah mempunyai ketahanan api tidak kurang setengah jam.
 - iii. Kemasan dinding dalaman dan siling hendaklah dari jenis ‘*Surface spread of flame*’ iaitu kelas ‘O’.
11. Alat pemadam api.
 - a) Hendaklah dilengkapkan dengan alat pemadam api seperimana MS 1539: *Specification for Portable Fire Extinguisher*.
 - b) Penempatan alat pemadam ini pada jalan keluar dan hendaklah mudah untuk dilihat dan dicapai.
12. Aktiviti Memasak
 - a. Had aktiviti memasak adalah berdasarkan syarat seperti berikut:
 - i. Dibenarkan dengan hanya menggunakan peralatan elektrik atau dapur elektrik; atau
 - ii. Dibenarkan dapur gas (LPG) sekiranya dibuat pengasingan kawasan dapur dan kawasan lain berdasarkan peruntukan UUKBS 139.
13. Hendaklah memastikan sistem keselamatan kebakaran yang sediada dalam premis yang dicadangkan diselenggara secara berkala serta semua sistem tersebut berada dalam keadaan baik.
14. Mematuhi jarak perjalanan dan jumlah kependudukan di dalam sesuatu ruang berdasarkan kepada Jadual Ketujuh, UUKBS 1984.
15. Menyediakan pencahayaan kecemasan (*emergency light*) di setiap satu ruang penempatan.

TERHAD

16. Menyediakan sistem penggera kebakaran jenis petunjuk isyarat (non-audible) di kawasan *means of escape*.
17. Mengadakan latihan pengungsian bangunan sekurang-kurangnya dua kali setahun melalui pemantauan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
18. Pemasangan jeriji pada pintu dan tingkap hendaklah yang boleh dibuka dari dalam ketika kecemasan.
19. Mengadakan tempat berkumpul (*assembly area*) ketika kecemasan.
20. Mengadakan pelan lantai kecemasan (*evacuation diagram*) di setiap aras dan diletakkan di tempat yang mudah dilihat.
21. Dikehendaki memasang alat pengesan asap dari jenis *self-contained smoke detector*. Pemasangan itu hendaklah dibuat di tempat strategik dan mempunyai risiko kebakaran seperti di bilik tidur, ruang tamu atau ruang aktiviti (UUKBS 225).
22. Memastikan *housekeeping* yang teratur dan tidak menjelaskan jalan keluar keselamatan.
23. Penguatkuasaan dan Kesedaran Awam
 - a. JBPM perlu menjalankan aktiviti pemeriksaan bagi penguatkuasaan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (penghapusan bahaya kebakaran dan perakuan boma) secara berjadual.
 - b. Menjalankan aktiviti ceramah kebombaan dan aktiviti kempen kesedaran awam secara berkala.

TERHAD

PELAKSANAAN SOKONGAN PELESENAN PUSAT JAGAAN

24. Semua permohonan bagi Pusat Jagaan hendaklah diproses di peringkat JBPM Ibu Pejabat Negeri dan Zon.
25. Permohonan hendaklah mengikut tatacara pemprosesan sepertimana Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 5 Tahun 2013 – Garis Panduan Pemprosesan Sokongan Pelesenan Perniagaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
26. Setiap permohonan hendaklah melalui agensi pengeluar lesen yang berkaitan.

PENGUATKUASAAN

27. Tindakan penguatkuasaan hendaklah dilaksanakan sekiranya keperluan keselamatan kebakaran tidak dipatuhi.

TARIKH BERKUATKUASA

28. Perintah Tetap Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2022 - Penetuan Keperluan Pepasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) bagi Pusat Jagaan adalah berkuatkuasa mulai pada tarikh ianya ditandatangani oleh YAS Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

PENUTUP

29. Ketua Pengarah dengan ini berhak untuk meminda atau membuat sebarang arahan-arahan lain selain daripada arahan-arahan yang terdapat di dalam arahan ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.

TERHAD

30. Adalah diharapkan dengan adanya Perintah Tetap ini, segala aktiviti berkaitannya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.



(DATO' SRI TS. MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

22 Ogos 2022

Salinan kepada:

- 1) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- 2) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- 3) Semua YS Pengarah Bahagian
- 4) Semua YS Pengarah Negeri
- 5) Semua YS Komandan ABPM
- 6) Semua Ketua Zon
- 7) Semua Ketua Balai